

# Rufoqqa: Pensyarah, pelajar IPTA dipantau

B. M 10/12/06

## Naib Canselor bertindak jika kesan ajaran sesat di kampus

Oleh Azman Mahmood

**K**UALA LUMPUR: Kementerian Pengajian Tinggi memantau pergerakan pensyarah dan pelajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seluruh negara bagi mengenal pasti sama ada mereka terbabit dalam kegiatan ajaran sesat dan Rufoqqa.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) kementerian, Datuk Dr Mohd Taib Hashim, berkata semua Naib Canselor akan bertindak tegas jika terdapat unsur berkenaan di universiti masing-masing.

Bagaimanapun, katanya, kementerian belum menerima sebarang maklumat pembabitan pensyarah dan pelajar yang cuba menghidupkan semula ajaran Aurad Muhammadiyah

yang sudah diharamkan.

"Kementerian memang membuat pemantauan dan semua Naib Canselor juga membuat pemantauan sama di universiti. Ia (ajaran sesat) akan menjejaskan pembelajaran di universiti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar e-Pembelajaran bertemakan 'Peningkatan Kualiti Pendidikan Tinggi' anjuran Pusat Pembangunan Akademik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini semalam.

Beliau mewakili Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, semalam.

Hadir sama, Pengarah Pusat Pembangunan Akademik UKM, Prof Dr Muhamad Yahya yang mewakili Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabudin.

Beliau ditanya sama ada pensyarah dan pelajar universiti terbabit dengan kegiatan Rufoqqa yang dikatakan cuba menghidupkan semula ajaran Aurad Muhammadiyah berikutan dakwaan bekas penasihat undang-undang al-Arqam, Zabidi Mohamed, pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM) turut menyebarkan ajaran sesat di kalangan mahasiswa universiti berkenaan.

Mohd Taib berkata, setakat ini kementerian percaya universiti awam bebas daripada pengaruh kegiatan berkenaan.

"Kita tidak menerima maklumat pelajar di UiTM atau UKM terbabit dengan kegiatan itu setakat ini," katanya.

Ditanya peringkat mana pemantauan dibuat, katanya, ia dilakukan

di universiti dan kampus.

"Di luar (universiti) kita akan bekerjasama dengan pihak berkuasa agama kerana bukan mudah mengesan kegiatan itu jika ada pelajar dan pensyarah terbabit," katanya.

Mengenai penggunaan e-Pembelajaran, beliau berkata ketika ini kebanyakan IPTA sudah dilengkapkan sistem itu.

Katanya, e-Pembelajaran memberi kemudahan lebih luas untuk mendapat maklumat dan bahan kuliah di samping memudahkan pelajar berhubung dengan pensyarah.

"Menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), semua IPTA baru akan dilengkapkan dengan kemudahan berasaskan sistem teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)," katanya.